

# 15 mati dicemari kencing tikus

Bilangan kes catat peningkatan tahun lalu tetapi angka korban turun

>>Oleh Abdullah Wahab  
abwahab@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Fakta menakutkan apabila Kementerian Kesihatan Malaysia merekodkan sebanyak 2,018 kes leptospirosis atau kencing tikus tahun lalu dengan 15 daripadanya menemui ajal berbanding tahun sebelumnya iaitu 1,976 kes dan 69 kematian.

Data dipelopori menerusi eNotis menunjukkan penyakit itu perlu diberi perhatian serius, sekali gus bermula tahun lalu penyakit itu diwartakan sebagai 'perlu lapor' mengikut Akta Pence-

## Info✓

Leptospirosis ialah sejenis penyakit zoonosis iaitu penyakit yang berjangkit daripada haiwan kepada manusia. Ia disebabkan oleh bakteria daripada genus *Leptospira*.

Manusia boleh dijangkiti apabila terdedah kepada air, makanan atau tanah yang dicemari dengan air kencing haiwan yang dijangkiti.

gahan Penyakit Berjangkit 1988.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin berkata, peningkatan 58 kes tahun lalu mungkin disebabkan sistem pelaporan yang diwajibkan, selain peningkatan kesedaran dalam kalangan penggalan dalam kalangan penggalan dan kemudahan diagnosis makmal.

"Semua fasiliti kesihatan kerajaan atau swasta wajib melaporkan kes dan kematian membabitkan," katanya.

Pelbagai haiwan liar dan domestik boleh dijangkiti dan menjadi pembawa kuman leptospira, antaranya ti-

kus, kucing, anjing, lembu, kambing, babi dan kuda.

Tikus haiwan utama boleh dijangkiti dan menjadi pembawa kuman ini dan menemari persekitaran.

Manakala tempoh inkubasi jangkitan antara lima hingga 10 hari, namun boleh berlarutan hingga 30 hari.

Mengulas kematian penyanyi, Khairil Izwan Pilus, 33, Rosnah berkata, semakan dengan Hospital Ampang mendapat kematianya tiada kaitan dengan jangkitan leptospira dan beliau mendapat jangkitan kuman pada paru-paru dengan komplikasi berat pada lain-lain organ.